

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 28 DISEMBER 2015 (ISNIN)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Pusat Sains Negara baharu bakal dibina di Tuaran	Kosmo
2.	MOSTI harap banyak produk berinovasi dikomersial tahun depan	BERNAMA
3.	Mosti hopes to commercialise more innovation next	The Malaysian Insider
4.	Make sweeping changes to curb slide, say educationalists	Malay Mail
5.	Malaysia bina siklotron	Utusan Malaysia
6.	Rawatan Nuklear	Utusan Malaysia
7.	Tenaga nuklear untuk majukan pertanian	Berita Harian
8.	Keseronokan angkasa	Utusan Malaysia
9.	Biosecurity threat calls for serious response	The Star
10.	Struggling to meet 50-year science target	Malay Mail
11.	Massive budget fails to achieve ratio after 50 years	Malay Mail
12.	Ushering in a rainy new year	The Star
13.	Angin kencang dijangka berterusan sehingga Rabu ini	BERNAMA
14.	Angin kencang berterusan hingga Rabu ini	Sinar Harian
15.	Amaran berlaku air pasang besar	Sinar Harian
16.	E-commerce set for growth	The Star
17.	Terima pengiktirafan Sirim, Jakim	Sinar Harian

Pusat Sains Negara baharu bakal dibina di Tuaran

TUARAN - Sebuah Pusat Sains Negara (PSN) bakal dibina di daerah ini bagi menggalakkan generasi muda khususnya di Sabah yang meminati sains.

Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, pembinaannya kini dalam proses permohonan tanah dan reka bentuk bangunan berkenaan.



MADIUS

"Kita akan membina sebuah PSN baharu yang kontemporari dan moden berbanding PSN di Bukit Kiara, Kuala Lumpur," katanya ketika ditemui pada majlis rumah terbuka Krismas Parlimen Tuaran di Dewan Seri Sulaman di sini semalam.

Beliau memberitahu, daerah tersebut adalah paling sesuai untuk pembinaan PSN kerana berdekatan dengan Kota Kinabalu selain mempunyai tanah Persekutuan.



MOSTI Harap Banyak Produk Berinovasi Dikomersial Tahun Depan

TUARAN, 27 Dis (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** berharap lebih banyak produk berinovasi dapat dikomersialkan pada tahun hadapan.

Menterinya Datuk Wilfred Madius Tangau berkata ini kerana tahun depan diisytiharkan sebagai Tahun Pengkomersilan Produk Berinovasi 2016.

"Sasaran kami sehingga 2020, kami mahu mengkomersialkan 60 produk setiap tahun.

"Tetapi oleh kerana tahun depan diisytiharkan sebagai tahun pengkomersilan produk, kami berharap banyak produk melebihi sasaran dapat dikomersialkan," katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis Rumah Terbuka MOSTI di sini hari ini.

Berbeza dengan tahun ini yang mana pengkomersilan produk di peringkat MOSTI, Madius berkata program itu pada tahun depan akan diperluaskan kepada kementerian lain.

"Saya sendiri akan mempengerusikan satu jawatankuasa pelaksana di peringkat kebangsaan melibatkan semua kementerian supaya tahun depan ini akan benar-benar melibatkan seluruh rakyat dan kementerian lain untuk mengkomersialkan ciptaan rakyat Malaysia," katanya.

Madius juga berharap rakyat akan mengambil peluang dalam program itu sebagai langkah mencari pendapatan, khususnya dalam keadaan ekonomi yang dijangka mencabar pada tahun depan.

Sementara itu, beliau berkata pihaknya masih dalam proses perancangan untuk mewujudkan sebuah Pusat Sains Negara di Tuaran.

Beliau yang juga anggota Parlimen kawasan Tuaran berkata cadangan untuk membina pusat itu di Tuaran bukan kerana beliau merupakan wakil rakyat di kawasan itu, tetapi kedudukannya yang dekat dengan bandaraya Kota Kinabalu.

"Selain itu, Tuaran juga mempunyai banyak tanah Persekutuan di mana kita boleh membangunkan pusat ini," tambahnya.

-- BERNAMA



Mosti hopes to commercialise more innovation next

With 2016 declared as Innovative Product Commercialisation Year, the Science, Technology and Innovation Ministry (MOSTI) is hoping for more innovative products to be commercialised next year.

Minister, Datuk Wilfred Madius Tangau said the ministry was targeting to commercialise 60 products yearly from now, until 2020.

"However, as next year has been declared as Innovative Product Commercialisation Year, we hope we will be able to exceed this yearly target," he said when met at the Mosti Open House today.

He added that unlike previous years, the programme next year would be extended to other ministries to ensure more people were involved to commercialise products invented by Malaysians.

He hoped the people would take advantage of the programme to generate some income in the wake of challenging economic conditions next year.

Meanwhile, Madius, who is also Tuaran member of parliament, said the ministry was in the midst of planning a national science centre in Tuaran due to its proximity to Kota Kinabalu.

The centre would be developed on the extensive federal land available in Tuaran. – Bernama, December 27, 2015.

Make sweeping changes to curb slide, say educationalists

PUTAJAYA — Professors and academicians have called for urgent action to address the drastic drop in the number of students opting for the Science stream. They find it alarming that only 29 per cent of students entering form four choose to study science.

According to the Science Outlook 2015: Action Towards Vision report that was released by the Science, Technology and Innovation Ministry, the country's aim of achieving developed nation status would be severely impeded if this alarming trend continues.

University of Kuala Lumpur Royal College of Medicine Perak senior lecturer Datuk Dr Sarjeet Singh Sidhu said the Ministry of Education should stop ad-hoc changes in the education policy and reintroduce teaching of Science and Mathematics in English at the secondary level.

"As a starter, let's reintroduce teaching of Biology, Chemistry, Physics and Mathematics in English language," he said.

He said this would ensure that students will be more confident in pursuing science-based courses which rely heavily on research material published in English.

"It is imperative that the education policy focus on developing long-term interest among students who want to study science subjects. Short-term measures, including an education policy that keeps changing, will affect the interest of students," he said.

Sarjeet said the government's intention of



Short-term measures, including an education policy that keeps changing, affect the interest of students.

achieving a 60 to 40 ratio for science and non-science students was only achievable if the ministry stopped changing education policies.

He also said the qualification threshold for entering higher science education should not be lowered, to encourage promising students to enter science-based fields at local universities, where they should be given support, including sponsorship for research.

Additionally, he said the government had to act to improve on the quality of lecturers in science fields, as many lecturers did not possess industry knowledge and were reliant on the textbook approach to teaching.

"The notion that science subjects are tough, boring and exam-oriented must be changed. We need more lecturers with real-world experience. Learning needs to be an interesting experience," he said.

Perdana University Graduate School of Medicine Assoc Prof Dr Abhimanyu Veerakumarasivam called for changes to teaching methods.

"It is an asymmetrical flow of information between teachers and students, with the focus moving from one stage to another in education," he said, adding the mentality extended all the way to universities.

Abhimanyu said exam-intensive education stifled opportunities for students

to discover scientific processes on their own.

"Scientists should also be responsible in making their findings understandable to the common man.

"Scientific discoveries ought to go beyond academic papers or publications, and directly impact the public. Young scientists should take the lead as they are more connected to the youth, and the potential of on-ground reality," he said.

Universiti Teknologi Petronas vice-chancellor and chief executive officer Datuk Abdul Rahim Hashim said the process of becoming a developed nation was hampered by a lack of vision.

Rahim said it was necessary to develop a comprehensive and focused long-term science, research and innovation vision, consisting of short, medium, and long-term plans in research and development and commercialisation.

"There are various reasons for our predicament. One of the primary reasons is our fragmented research and development activities," he said, adding that one of the causes for fragmented research and development was a lack of cohesive effort in funding and research.

Rahim said other reasons included the low collaboration between industry and business and institutions of higher learning.

"Not all researches can be completed in five years. At the same time, not all researches need 20 years to materialise. Some need 10 years to come to fruition."

Malaysia bina siklotron

Kemudahan berkapasiti tinggi tingkat kualiti perubatan berasaskan nuklear

MALAYSIA kini bercadang untuk memperoleh satu lagi teknologi yang mampu menghasilkan radioisotop untuk memperluaskan lagi penguasaan teknologi nuklear di negara ini.

Dalam bidang perubatan, bahan radioaktif digunakan untuk menghasilkan radiofarmaseutikal bagi mendiagnosis penyakit khususnya dalam bidang onkologi (kanser), kardiologi dan neurologi secara tepat agar kaedah rawatan yang berkesan dapat dibangunkan.

Menurut Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia), **Datuk Dr. Muhamad Lebai Juri**, beberapa pusat siklotron (18 MeV) yang khusus untuk kegunaan perubatan nuklear telah ditubuhkan di negara ini sejak tahun 2002.

Walaupun bagaimanapun katanya, jenis bahan radioaktif yang dihasilkan daripada siklotron berkuasa rendah itu adalah terhad.

Sehubungan itu, bagi memastikan kemudahan perubatan negara lebih berteknologi tinggi dan tidak terkecuali daripada menggunakan teknologi terkini Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bersama-sama Nuklear Malaysia sedang merancang untuk membangunkan kemudahan siklotron berkapasiti tinggi (30 MeV).

"Pusat ini akan dilengkapi dengan keupayaan *Positron Emission Tomography* (PET) dan *Single Photon Emission Computed Tomography* (SPECT), serta makmal penyelidikan yang berkaitan.

"Kemudahan ini akan berpusat di Nuklear Malaysia dan dikendalikan oleh saintis, jurutera dan ahli fizik kami agar pembangunan keupayaan dan aplikasi teknologi yang berkaitan dapat dilaksanakan secara serentak," ujar beliau.

Menurut Dr. Muhamad, pembangunan kemudahan siklotron pelbagai guna itu akan meningkatkan kemampuan Malaysia untuk menghasilkan pelbagai jenis radioisotop atau bahan radioaktif.

Bukan sekadar dalam bidang perubatan, bahan tersebut juga digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang lain seperti industri automotif terutama untuk menguji kehausan mekanikal, pembiakan mutasi (pertanian), pembangunan bahan api bio dan pembangunan sains bahan.

Di samping itu, kemudahan tersebut akan meletakkan Malaysia setanding



APLIKASI siklotron 30 MeV.

dengan negara-negara lain yang memanfaatkan teknologi yang sama antaranya termasuklah Amerika Syarikat (AS), Jepun, Korea, Perancis, Itali, Arab Saudi dan Kanada.

Secara tidak langsung, kemudahan tersebut akan menjadi tarikan kepada rakyat negara-negara tersebut dan seterusnya akan menggalakkan serta meningkatkan lagi industri pelancongan kesihatan tempatan.

Kemudahan siklotron bertenaga tinggi itu juga membolehkan Nuklear Malaysia menghasilkan isotop berjangka hayat panjang yang tidak lagi dikekang oleh sifat-sifat fizikal radioisotop.

Faktor ini membolehkan radioisotop dibekalkan ke hospital, institusi penyelidikan berkaitan dan pihak industri di luar Lembah Klang, sekaligus mengembangkan penggunaannya ke seluruh negara.

Lebih daripada itu, Malaysia juga akan berkemampuan untuk mengeksport dan membekalkan radioisotop yang dihasilkan di kemudahan siklotron ini ke negara-

negara jiran.

Katanya, MOSTI telah pun meluluskan projek siklotron di bawah dana *Flagship* Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN), MOSTI pada tahun 2014.

Kata beliau, selaras dengan Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, JPM Bil 3 Tahun 2009 iaitu Garis Panduan Pelaksanaan Pengurusan Nilai, pengurusan nilai perlu dilaksanakan bagi program dan projek yang bernilai RM50 juta dan ke atas,

Muhamad berkata, Siri pertama Makmal Pengurusan Nilai (VML) telah diadakan mulai 10 hingga 13 Februari lalu bertujuan untuk memuktamadkan kelulusan siling bagi projek kemudahan siklotron berkapasiti 30 MeV.



DR. MUHAMAD LEBAI JURI



MENTERI Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Madius Tangau (dua dari kanan) mengadakan lawatan ke tapak pembangunan siklotron yang dicadangkan di Bangi, Selangor baru-baru ini.

Faedah teknologi siklotron

● Siklotron adalah pemecut zarah yang boleh digunakan untuk menghasilkan bahan-bahan radioaktif untuk digunakan dalam pelbagai aplikasi seperti dalam bidang perubatan, industri, alam sekitar dan pertanian.

● Dalam bidang perubatan, bahan-bahan radioaktif digunakan untuk menghasilkan radiofarmaseutikal bagi mendiagnosis penyakit khususnya dalam bidang onkologi, kardiologi dan neurologi secara tepat agar kaedah rawatan yang berkesan dapat dibangunkan.

● Mempelbagaikan jenis rawatan yang boleh ditawarkan kepada pesakit. Pada masa yang sama hanya dapat menyelamatkan nyawa pada kos yang rendah dan sekaligus dapat meningkatkan kualiti hidup serta melanjutkan jangka hayat pesakit-pesakit.

● Menyediakan satu kemudahan siklotron berkapasiti (tenaga) 30 MeV bagi meningkatkan keupayaan R&D, perkhidmatan dan pengkomersilan dalam bidang perubatan, pertanian dan industri di Agensi Nuklear Malaysia

● Membuka peluang baru dalam penyelidikan di bidang perubatan, industri dan pertanian menggunakan kemudahan siklotron untuk diaplikasikan pada teknologi nuklear melalui:

BIDANG PERUBATAN

1. Peningkatan perkhidmatan selepas pentauliahan.
2. Peningkatan bekalan radioisotop
3. Tempoh pesanan dan bekalan radioisotop dapat dikurangkan sehingga 80 peratus.
4. Peningkatan bilangan dan jenis radioisotop dari 2 kepada 6 (^{68}Ge , ^{201}Tl , ^{123}I , ^{177}Lu , ^{64}Cu , ^{186}Re)
5. Peningkatan kecekapan pengurusan rawatan pesakit kanser sebanyak 30 peratus iaitu kecekapan membuat keputusan untuk memilih pendekatan rawatan sama ada menggunakan kemoterapi atau pun rawatan radioterapi
6. Melebarkan perkhidmatan daripada bukan hanya diagnostik sahaja tetapi meliputi juga terapeutik.
7. Pengurangan aliran keluar wang negara.
8. Nilai untuk wang dari penjimatan kos yang terpaksa ditanggung untuk membayar kesusutan aktiviti radioisotop semasa pengimportan.


KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA FOKUS) : MUKA SURAT 01
TARIKH : 28 DISEMBER 2015 (ISNIN)




Teknologi nuklear kini digunakan dalam bidang perubatan untuk mengesan dan merawat penyakit

**RAWATAN
NUKLEAR**

SAMBUNGAN...
UTUSAN MALAYSIA (MEGA FOKUS) : MUKA SURAT 02
TARIKH : 28 DISEMBER 2015 (ISNIN)



BAHAGIAN dalam sebuah mesin siklotron.



CONTOH siklotron kapasiti 18 MeV.

Rawat penyakit lebih berkesan

Nuklear Malaysia perkenal teknologi siklotron sebagai alternatif perubatan nuklear

Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com



BIDANG perubatan pada hari ini berdepan dengan cabaran dari pelbagai sudut. Masalah utama yang dihadapi ialah bagaimana menentukan kaedah mengesan penyakit (diagnosis) dan seterusnya memberi rawatan.

Kita masih boleh bergantung harap kepada kaedah rawatan konvensional kerana tidak ramai pesakit yang sanggup menanggung kos rawatan yang terlalu tinggi meskipun hasilnya lebih baik.

Bagaimanapun, dengan perkembangan teknologi perubatan yang semakin canggih, pesakit tidak ada pilihan dan mereka yang berkemampuan pastinya bersedia menanggung kos tersebut.

Di peringkat awal kaedah rawatan iaitu ketika mengesan atau istilah perubatannya mendiagnosis penyakit, pelbagai teknologi digunakan. Bagi kaedah pengimejan, sinaran-X, imbasan Tomografi berkomputer (CT) dan Pengimejan Magnetik Resonans (MRI) digunakan. Namun apa yang ramai tidak tahu ialah semua berpaksa kepada teknologi nuklear.

Menurut Pegawai Penyelidik Kanan, Unit Fasiliti Pengeluaran Radioisotop Bahagian Teknologi Perubatan, Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia), Dr. Azahari Kasbollah, perubatan nuklear

diistilahkan sebagai pengkhususan dalam bidang perubatan yang melibatkan penggunaan bahan radioaktif (radioisotop) dalam kuantiti yang sedikit. Ia dimasukkan ke dalam tubuh pesakit bertujuan sama ada untuk mengesan atau merawat sesuatu penyakit khususnya kanser.

Katanya, radioisotop yang digunakan adalah bersifat sintetik dan dihasilkan sama ada menerusi kaedah pembelahan nukleus daripada kemudahan reaktor nuklear, menggunakan mesin pemecut zarah atau melalui penjana radionuklid.

Menurut beliau, aktiviti perubatan nuklear itu merangkumi prosedur pengimejan dan rawatan menggunakan gabungan bahan radioaktif dan agen pembawa yang dikenali sebagai radiofarmaseutikal.

"Radiofarmaseutikal merupakan suatu sebatian kimia yang mengandungi bahan radioaktif yang telah dilabelkan dengan agen pembawa untuk kegunaan perubatan nuklear."

"Agen pembawa ini dikenali juga sebagai *kit reagen* yang terdiri daripada bahan kimia atau molekul organik seperti protein, karbohidrat, peptide, antibodi, lipid atau asid nukleik," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Nuklear Malaysia, Bangi baru-baru ini.

Ciri-ciri radiofarmaseutikal dalam bidang onkologi (kanser) perlu memenuhi beberapa kegunaan seperti kebolehan mengenal pasti tumor dan mekanisme penyebarannya, dapat merancang rawatan

dan kaedah terapi serta memantau tindakbalas terapi bagi sesuatu penyakit.

Kata beliau, pada peringkat awal penemuannya, perubatan nuklear hanya tertumpu pada pengesanan atau diagnosis awal untuk mengetahui maklumat fungsi sesuatu organ dalam badan dan seterusnya berkembang dengan lebih jauh kepada kefahaman mengenai mekanisme sesuatu penyakit dan juga penilaian rawatan.

Antara beberapa sistem dalam tubuh melibatkan kaedah perubatan nuklear digunakan untuk menilai fungsinya ialah jantung (untuk sakit dada atau akibat serangan jantung), paru-paru, hati, buah pinggang, tulang dan juga kelenjar tiroid.

Prinsip asas dalam perubatan nuklear ialah bahan radiofarmaseutikal yang tertentu akan dimasukkan ke dalam badan pesakit melalui tiga kaedah iaitu dengan cara suntikan ke dalam tubuh, sedutan melalui pernafasan dan kaedah oral iaitu dengan cara makan atau minum.

Kemudian pesakit akan

melalui ujian pengimejan dengan menggunakan kemudahan kamera pengimejan khas yang akan menghasilkan imej yang dapat mengesan kedudukan radiofarmaseutikal yang telah dimasukkan ke dalam tubuh pesakit itu.

Daripada imej yang terhasil, doktor akan dapat mengesan ketidaknormalan sesuatu fungsi atau sistem organ di



DR. AZAHARI KASBOLLAH

CONTOH mesin pengimbas yang digunakan dalam teknologi perubatan nuklear.



SAMBUNGAN...

UTUSAN MALAYSIA (MEGA FOKUS) : MUKA SURAT 03

TARIKH : 28 DISEMBER 2015 (ISNIN)

Sejarah penemuan perubatan nuklear

SEJARAH penemuan sinar-X telah membuka era baru perubatan nuklear pada ketika ini.

Penemuan pertama sinar-X telah dicatat oleh seorang guru fizik di sebuah kolej di Jerman iaitu William Conrad Roentgen (1845-1923). Pada 8 November 1895, Roentgen telah menghasilkan imej tangan isteri beliau dengan menggunakan sinar-X. Selepas itu prinsip radiologi telah giat diaplikasikan.

Setahun kemudian seorang lagi saintis, Becquerel telah menemui

bahan radioaktif semula jadi yang pertama dan hasil dari penemuan itu pada tahun 1898, Pierre dan Marie Curie telah berjaya mengasingkan radium.

Penggunaan bahan radioaktif yang pertama dalam bidang perubatan telah diaplikasikan oleh seorang pakar perubatan iaitu Henry Alexandre Danlos dan Eugene Bloch pada tahun 1901 yang mana mereka telah memancarkan sinaran daripada radium kepada lesi tuberkulosis kulit.

Semenjak itulah era perubatan

nuklear terus berkembang dan penting dalam mendiagnos dan merawat pelbagai penyakit.

Setelah seabad penemuan tersebut, kesan radiasi telah dikenal pasti sama ada ia memberi kebaikan atau keburukan, bergantung kepada penggunaan dan kawalan.

Oleh itu, era undang-undang pengawalan radiasi telah diwujudkan pada bulan Oktober 1899 oleh kerajaan Austria setelah membahaskan mengenai isu kesan radiasi tersebut.

Pada tahun 1928, *International*

Commission On Radiological Protection (ICRP) telah mengesyorkan penggunaan dos radiasi yang optimum dan selamat digunakan. Di Malaysia, penguatkuasaan ini dilaksanakan oleh *Radioactive Substances Act* pada tahun 1968. Tetapi pada tahun 1984 ia diganti oleh Akta Pelesenan Tenaga Atom.

Bermula tahun tersebut, Kementerian Kesihatan telah mengambil-alih peranan tersebut sehingga sekarang untuk memastikan keselamatan melalui pengawalan radiasi.

peringkat awal terutamanya penyakit kanser untuk rawatan selanjutnya.

Antara kamera pengimbas yang selalu digunakan di kebanyakan hospital adalah seperti Gamma Camera, *Single Photon Emission Computed Tomography (SPECT)* dan *Positron Emission Tomography/Computed Tomography (PET/CT)*.

Dewasa ini, permintaan kepada teknologi perubatan nuklear telah meningkat dari semasa ke semasa berikutan dengan berkembangnya teknologi baharu dalam menghasilkan radiofarmaseutikal berasaskan pancaran sinaran beradioaktif.

Teknologi tersebut memerlukan mesin siklotron yang berkebolehan untuk menghasilkan radioisotop yang mempunyai 'separuh hayat' yang pendek yang amat berguna dalam bidang perubatan nuklear.

Siklotron ialah sejenis mesin pemecut zarah berbentuk spiral yang menggunakan medan elektrik dan magnet untuk menghasilkan radioisotop-radioisotop seperti Florin-18, Karbon-11, Nitrogen-13, Galium-68, Yttrium-86 dan Zirconium-89 serta

banyak lagi yang amat berguna bukan hanya untuk bidang perubatan, perindustrian, pertanian dan alam sekitar.



PROSES pengeluaran radiofarmasi.

Untuk tujuan perubatan, radioisotop ini amat penting dalam penghasilan radiofarmaseutikal khususnya untuk diagnosis dan rawatan terapeutik terhadap penyakit kanser.

Antara kelebihan siklotron berbanding dengan reaktor nuklear adalah penggunaan bahan mula yang stabil dan tidak beradioaktif. Di samping itu, penghasilan sisa radioaktifnya mempunyai jangka hayat yang pendek dan ini memudahkan proses penyimpanan dan menjadikan proses pengoperasiannya lebih mudah.

Dr. Azahari memberitahu, berdasarkan statistik, insiden kanser di negara ini meningkat daripada 32,000 kes-kes baru pada tahun 2008 kepada 37,400 kes pada tahun 2012.

Dianggarkan angka tersebut kan mencapai 56,932 kes pada tahun 2025.

Menurut Agensi Antarabangsa Penyelidikan Kanser (IARC) Globocan, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kematian akibat kanser juga meningkat ke 21,700 kes pada tahun 2012 berbanding 20,100 kes pada tahun 2008.

Justeru, kaedah perubatan nuklear semakin mendapat sambutan tetapi penggunaannya di negara ini boleh dianggap masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun.

Walaupun penggunaannya masih

dianggap rendah di negara ini, iasemakin berkembang dengan pemilihan peralatan siklotron oleh beberapa buah hospital kerajaan dan swasta.

Jika dahulu hanya reaktor penyelidikan di Nuklear Malaysia, Bangi, sahaja yang dapat mengeluarkan bahan radioisotop ini untuk tujuan perubatan, kini beberapa buah hospital mula mengeluarkan bahan mereka sendiri hasil daripada pemilikan mesin siklotron berkuasa rendah.

Ini dapat memastikan supaya bekalan radiofarmaseutikal mereka tidak akan putus di samping dapat mengawal kualiti bahan radiofarmaseutikal yang dihasilkan.

Namun begitu, jenis bahan radioaktif atau radioisotop yang dihasilkan daripada siklotron berkuasa rendah ini adalah terhad.

Di Malaysia pada masa ini, satu kemudahan siklotron berkapasiti rendah berserta mesin pengimbas *Positron Emission Tomography (PET)* ada ditawarkan di Hospital Putrajaya dan di Institut Kanser Negara (IKN).

Selain itu, sebanyak tiga lagi kemudahan siklotron berkapasiti rendah ada dipunyai oleh tiga buah syarikat swasta yang mengeluarkan radioisotop mereka sendiri untuk tujuan perubatan dengan terdapatnya kemudahan siklotron tersebut di tempat mereka.

Selain itu, kaedah perubatan nuklear beserta dengan kemudahan pengimbas

PET boleh didapati di beberapa buah hospital milik kerajaan seperti di Hospital Pulau Pinang, Hospital Serdang, Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru dan beberapa buah hospital milik swasta.

Antara kelebihan dalam bidang perubatan nuklear ini adalah ia dapat menghasilkan imej yang lebih berkualiti dan memberikan maklumat yang lebih tepat terutamanya dalam mengesan lokasi tumor serta setakat mana tumor tersebut merebak di dalam badan dan merupakan satu kaedah rawatan yang spesifik.

Seterusnya kaedah ini dapat meningkatkan ketepatan dari segi pengesanan terhadap penyakit dan mempelbagaikan jenis rawatan yang boleh ditawarkan kepada pesakit sekaligus dapat meningkatkan kualiti hidup serta melanjutkan jangka hayat pesakit-pesakit terutamanya pesakit kanser.

Dalam ujian pengimejan perubatan nuklear, bahan radioaktif yang disuntik tidak membahayakan badan manusia.

Ini kerana radioisotop yang digunakan untuk perubatan nuklear mereput (*decay*) dengan cepat, dalam beberapa minit hingga beberapa jam.

Ia juga mempunyai tahap sinaran yang lebih rendah berbanding dengan pengimbasan sinar-X atau CT yang biasa, serta mudah dilupuskan dari tubuh pesakit melalui sistem perkumuhan.

Rawatan perubatan nuklear juga selamat digunakan untuk kanak-kanak bagi menilai kecederaan tulang dan mengesan angkitan buah pinggang atau pundi kencing.

Bidang perubatan nuklear adalah salah satu bidang perubatan yang mampu memberi kebaikan khususnya dalam merawat penyakit-penyakit tertentu di samping kaedah alternatif yang lain, dan sesetengahnya lebih baik jika dibandingkan dengan kaedah yang lain.

Amalan Pengilangan Baik (GMP) perlu dipraktikkan bagi menjamin kualiti dan kuantiti penghasilan bahan radiofarmaseutikal agar ia bertepatan dengan kehendak pelanggan dan juga piawaian antarabangsa, seterusnya meyakinkan orang awam akan keberkesanan kaedah ini.

Aspek keselamatan juga wajib dititikberatkan untuk memastikan tiada kemalangan berlaku yang pastinya akan merugikan banyak pihak.

Perubatan nuklear sangat penting dan berkesan serta dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam bidang perubatan dan kesihatan rakyat.

Walaupun kaedah tersebut masih baharu di negara ini, ia dilihat sebagai bidang yang berpotensi untuk dikomersialkan dengan lebih berkesan dan berjaya pada masa akan datang.



Tenaga nuklear untuk majukan pertanian

» Salmah mahu ubah persepsi masyarakat nuklear bukan buat bom, memusnahkan

Oleh Norhafzan Jaafar
hafzan@bh.com.my

Tenaga nuklear adalah antara sumber tenaga alternatif yang mendatangkan pelbagai manfaat dalam kehidupan manusia merangkumi pelbagai bidang.

Namun, tidak ramai yang sedar teknologi nuklear semakin mendapat tempat dalam bidang pertanian memandangkan kecenderungannya sebagai penambahbaikan dalam meningkatkan penghasilan pelbagai jenis tanaman.

Bukan sekadar menghasilkan baka tumbuhan yang lebih baik dan bermutu, teknologi ini juga mampu membasmi serangga perosak dengan menghalang pembiakannya.

Salmah Moosa, 51, adalah antara mereka yang terbabit memiliki kepakaran dalam bidang nuklear demi pembangunan bioteknologi yang diperlukan bagi memajukan pertani-

an negara.

Sering disalah erti

Tanggungjawabnya sebagai penyelidik kanan bahagian agroteknologi dan biosains di **Agensi Nuklear Malaysia** yang mula bertapak di negara ini sejak tahun 1972 ini, bagaimanapun sering kali disalah erti.

"Sudah menjadi kebiasaan apabila memaklumkan saya bekerja dengan Agensi Nuklear Malaysia ramai yang menganggap tugas saya membuat bom.

"Jarang ada orang yang mengaitkan teknologi nuklear dengan pertanian, malah ada yang mempersoalkan apa kaitannya dalam penanaman padi atau nanas dan sebagainya yang berkaitan dengan tanaman.

"Itu adalah antara cabaran yang saya hadapi apabila orang ramai tidak faham manfaat sebenar nuklear. Ini kerana ramai yang menyangka ia hanya digunakan untuk tujuan kemusnahan," katanya dalam satu temubual dengan FAMILI, baru-baru ini.

● Muka 7

Salmah Moosa.
(FOTO NUR ADIBAH
AHMAD IZAM/BH)

SAMBUNGAN...
BERITA HARIAN (FAMILI) : MUKA SURAT 07
TARIKH : 28 DISEMBER 2015 (ISNIN)

○ Dari muka 6

Menceritakan pembabitannya dalam bidang nuklear, Salmah berkata, beliau memulakan tugas sebagai pegawai penyelidik di agensi itu pada tahun 2001 selepas kerjaya awalnya sebagai pembantu penyelidik dalam bidang farmaseutikal di Biro Kawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BFBK) pada tahun 1991.

Hasilkan padi tongkat Ali
 Namun, peranannya di Agensi Nuklear Malaysia kini banyak membabitkan penyelidikan bertujuan menghasilkan kepelbagaian baharu pelbagai jenis tanaman untuk kemajuan bidang pertanian di negara ini.

Katanya, menerusi teknologi nuklear banyak kepelbagaian tanaman baharu dapat dihasilkan yang bukan saja tahan penyakit, malah cepat matang dan memberikan hasil pulangan yang lebih tinggi.

"Kebanyakan tanaman memang sudah ada berlaku mutasi secara semula jadi tetapi menerusi penyelidikan dan kajian di sini kami rangsang tumbuhan terbit untuk mempercepatkan mutasinya supaya dapat menghasilkan kepelbagaian tanaman yang lebih baik.

"Antara kejayaan yang pernah kita lakukan adalah dengan menghasilkan padi tongkat Ali



Pelbagai kajian baharu

yang lebat berbuah tetapi tidak senang rebah selain ia mudah untuk dituai dan mempunyai hasil yang lebih tinggi," katanya mengenai bidang tugas yang dilakukannya.

Kesan asal usul burung walis
 Selain penyelidikan untuk menambah baikkan baka

tanaman, Salmah berkata, beliau turut bertanggungjawab dalam kawalan mutu dengan menjalankan analisis terhadap kandungan ekstrak tumbuh-tumbuhan yang digunakan secara meluas dalam industri perubatan herba, kosmetik dan penjagaan kesihatan.

"Biasanya kajian yang dijalankan adalah atas per-

mintaan pihak berkuasa seperti Kementerian Kesihatan yang bertanggungjawab mengeluarkan permit terhadap produk berkaitan," katanya.

Berkongsi mengenai perkembangan kerjayanya, Salmah berkata beliau kini menjalankan kajian terhadap produk sarang burung walis untuk mengenal pasti

ketulenannya.

Katanya, kajian itu adalah atas permintaan Kementerian Kesihatan sendiri berikutan adanya dakwaan produk sarang burung walis di negara ini mengandungi bahan campuran lain yang tinggi kandungan nitriknya sehingga dilarang dieksport.

"Menerusi teknologi nuklear kita cuba mengesan

asal usul burung ini sama ada ia benar-benar berasal dari Malaysia atau mungkin produk yang dihasilkan adalah daripada sarang burung yang diusahakan di negara lain seperti Indonesia.

"Penyelidikan yang sedang dibangunkan ini akan diguna pakai oleh Kementerian Kesihatan dan Jabatan Veterina bagi tujuan penkuatkuasaan," katanya.

Salmah berkata, kajian yang dijalankan ini disifatkan cukup penting demi keselamatan pengguna selain melindungi produk sarang burung walis yang dianggap cukup bernilai tinggi kerana harganya mampu mencecah RM10,000 bagi setiap kilogram.



Langkah keselamatan

ibu kepada empat anak yang meningkat remaja ini berkata, mengimbas sewaktu kali pertama menerima arahan untuk ditempatkan di agensi itu, tanggapan awal beliau terhadap bidang nuklear juga sama seperti orang lain yang hanya memikirkan bahaya.

"Sebagai wanita saya lebih memikirkan kesan jangka panjang yang akan dialami kerana selama ini kita sering ditakut-takutkan mengenai nuklear terutama dari aspek kesihatan wanita.

"Bagaimanapun pengalaman bertugas dalam bidang kimia membuatkan saya kembali positif kerana kedua-duanya tidak jauh berbeza dan memerlukan kita sentiasa mematuhi langkah keselamatan yang ditetapkan.

"Jika fikirkan soal bahaya memang ia ada di sekeliling kita tetapi itu hanya apabila aspek keselamatan tidak dipatuhi atau diabaikan," katanya yang dipertanggungjawabkan untuk



melakukan penyelidikan dengan menghasilkan nilai tambah produk bahan berasaskan bioaktif bagi kepentingan industri.

Tambah ilmu

Menyedari dunia hari ini yang menuntut lebih banyak persaingan, Salmah berkata, beliau berazam mahu meningkatkan prestasi dirinya bukan saja sebagai isteri dan ibu tetapi pakar dalam bidang yang diceburinya itu.

"Untuk itu, saya ber-

cadang menyambung pengajian ke peringkat sarjana kerana menyedari perjalanan ini tidak akan lengkap sekiranya saya tidak mengorak langkah seterusnya.

"Jika keputusan untuk sambung pengajian ini tidak dibuat, pastinya sifat dan keinginan untuk terus membaca dan meneroka semakin berkurangan malah kadang kala hampir tidak dilakukan di tengah kesibukan aktiviti harian.

"Jadi saya anggap ia sebagai cabaran dan motivasi untuk meneruskan perjalanan karier ke peringkat lebih jauh lagi," katanya yang berkongsi azam tahun baharunya itu.

Salmah berkata, cita-citanya itu diharapkan bukan saja bermanfaat untuk diri sendiri tetapi lebih penting menjadi galakan kepada wanita lain berkerjaya untuk menggunakan kepayaan dan potensi diri sehingga mampu menjadi yang terbaik dalam bidang yang diceburi.

BIODATA



○ Nama: Salmah Moosa, 51

○ Tarikh Lahir: 3 Disember 1964

○ Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian)

Teknologi Kimia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Ijazah Sarjana Fitokimia, Universiti Putra Malaysia (UPM)

○ Keahlian Profesional: Persatuan Sebatian Semulajadi Malaysia

Women in Nuclear (WIN) Malaysia

Persatuan Perlindungan Sinaran Malaysia (MARPA)

Persatuan Penyelidik Sains Malaysia (MARS)

Institut Kimia Malaysia (IKM)

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 28 DISEMBER 2015 (ISNIN)

Keseronokan angkasa

